

Muhyiddin bersara politik

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak akan mempertahankan jawatan Presiden Bersatu pada pemilihan parti tahun hadapan bagi memberi laluan kepada kepimpinan baharu.

Pengumuman itu dibuatnya dalam ucapan dasar beliau pada Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) Bersatu 2023 di sini yang memberi bayangan akan mengakhiri karier politiknya bagi penggal Parlimen kali ini.

Menurutnya, pengumuman tersebut dibuat bagi membolehkan beliau mewariskan kepimpinan parti kepada barisan baharu yang disifatkan sebagai sudah tiba masanya.

Bersambung di muka 3



Sebak

MUHYIDDIN Yassin kelihatan sebak selepas mengumumkan tidak bertanding jawatan Presiden Bersatu pada pemilihan akan datang ketika menyampaikan ucapan dasar Presiden sempena Perhimpunan Agung Tahunan Bersatu 2023 di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI